



## **PERATURAN AM**

### **1 NAMA**

Pertandingan ini dinamakan *Higher Education Sports Fest 2023*.

### **2 PENGELOLA**

- 2.1 *Higher Education Sports Fest 2023* ini dikelolakan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia dengan kerjasama dari majlis-majlis berikut:-
  - 2.1.1 Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM)
  - 2.1.2 Majlis Sukan IPTS Malaysia (MASISWA)
  - 2.1.3 Majlis Sukan Politeknik Malaysia (MSP)
  - 2.1.4 Majlis Sukan Kolej Komuniti (MASKOM)
- 2.2 Bagi maksud pengelolaan, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) bertanggungjawab dengan perkara-perkara dasar dan boleh menyerahkan kuasa pengelolaan serta aktiviti sukan kepada satu jawatankuasa khas yang ditubuhkan oleh KPT.
- 2.3 Adalah menjadi tanggungjawab jawatankuasa pengelola menerangkan secara lengkap dan jelas peraturan pertandingan *Higher Education Sports Fest 2023* kepada badan/persatuan sukan yang terlibat dalam pengelolaan *Higher Education Sports Fest 2023*.

### **3 KELAYAKAN**

- 3.1 Semua IPT yang bernaung di bawah KPT termasuk pasukan jemputan layak menyertai *Higher Education Sports Fest 2023*.
  - 3.1.1 Semua pelajar yang berdaftar dan menghadiri kursus sepenuh masa di peringkat Asasi, Diploma dan Ijazah Pertama yang ditawarkan di IPTA, IPTS, Politeknik, Kolej Komuniti adalah layak menyertai *Higher Education Sports Fest 2023*.
  - 3.1.2 Semua pelajar yang berdaftar (kursus 16 bulan dan lebih) dan menghadiri kursus sepenuh masa di peringkat sijil di Kolej Komuniti adalah layak menyertai *Higher Education Sports Fest 2023*.



- 3.1.3 Semua pelajar yang berdaftar dan menghadiri kursus sepenuh masa di peringkat pasca siswazah layak mengambil bahagian dengan syarat mendapat pengesahan daripada Jabatan Pengajian Siswazah Universiti masing-masing.
- 3.1.4 Seorang pemain hanya boleh didaftarkan untuk satu pasukan bagi mewakili institusi dimana beliau mendaftar sebagai pelajar.
- 3.1.5 Had kelayakan umur atlet adalah di bawah umur 25 tahun pada tahun kejohanan.
- 3.1.6 Pelajar-pelajar tahun akhir yang telah menamatkan pengajian hanya layak mewakili pasukan sehingga semester baru dibuka (kecuali semester khas).
- 3.2 Peserta program pertukaran pelajar (Student Exchange) tidak dibenarkan mengambil bahagian dalam kejohanan.
- 3.3 Seseorang pemain, pegawai atau pasukan yang digantung permainannya oleh badan-badan di bawah tidak dibenarkan menyertai kejohanan ini sepanjang tempoh penggantungannya.
  - 3.3.1 Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM)
  - 3.3.2 Majlis Sukan IPTS Malaysia (MASISWA)
  - 3.3.3 Majlis Sukan Politeknik Malaysia (MSP)
  - 3.3.4 Majlis Sukan Kolej Komuniti (MASKOM)
  - 3.3.5 Persatuan Sukan Negeri
  - 3.3.6 Persatuan Sukan Kebangsaan

#### 4 AKREDITASI

- 4.1 Semua pasukan dimestikan menggunakan sistem pendaftaran online yang dikeluarkan oleh pihak pengelola.
- 4.2 Salinan borang pendaftaran pasukan hendaklah ditandatangani oleh Pengarah/Ketua Unit Jabatan Sukan manakala bahagian pengesahan akademik pula hendaklah ditandatangani oleh Pengarah atau Ketua Pusat Bahagian Akademik Pelajar.
- 4.3 Setiap pasukan dimestikan menyerahkan borang pendaftaran dan kelayakan akademik pasukan, borang pengesahan peserta (I-Form), kad pelajar dan salinan passport (bukan warganegara) kepada Jawatankuasa TAC semasa mengambil Kad Akreditasi.
- 4.4 Pasukan yang bertanding adalah bertanggungjawab untuk mengemukakan kad pelajar untuk disemak oleh jawatankuasa teknikal dan pertandingan pada bila-bila masa disepanjang tempoh kejohanan berdasarkan keperluan semasa.
- 4.5 Hanya pemain yang berdaftar di dalam borang pengesahan atlet mengikut permainan sahaja layak mengambil bahagian.
- 4.6 Sebarang pertukaran pemain selepas tarikh tutup pendaftaran individu akan dikenakan denda seperti berikut :
  - 4.6.1 Selepas tarikh tutup pendaftaran online sehingga seminggu sebelum taklimat pengurus-pengurus pasukan akan dikenakan denda sebanyak RM30.00.
  - 4.6.2 Pertukaran pemain yang mengalami kecederaan boleh dibuat seminggu sebelum taklimat pengurus-pengurus pasukan sehingga sehari sebelum taklimat pengurus - pengurus pasukan dengan disertakan pengesahan dari pihak Pusat Kesihatan Universiti/Hospital Kerajaan/Klinik Kerajaan.
  - 4.6.3 Kad yang hilang / rosak akan dikenakan denda sebanyak RM30 bagi setiap penggantian kad yang baru dibayar secara tunai kepada Jawatankuasa Kad Akreditasi.

#### 5 BILANGAN PEGAWAI/ PESERTA

Bilangan pegawai dan peserta adalah mengikut peraturan permainan sukan berkenaan.



## **6 REFERI KEHORMAT/ KETUA PENGADIL**

- 6.1 Pengadil bertauliah akan disediakan oleh Jawatankuasa Pengelola bagi tiap-tiap permainan.
- 6.2 Referi Kehormat/Ketua Pengadil hendaklah disediakan oleh Jawatankuasa Pengelola sepanjang pertandingan dijalankan bagi semua permainan yang dipertandingkan.
- 6.3 Segala keputusan pengadil adalah muktamad. Sebarang bantahan terhadap keputusan pengadil tidak akan dilayan.

## **7 PAKAIAN**

- 7.1 Setiap pemain/pasukan hendaklah memakai pakaian yang dibenarkan dalam undang-undang permainan berkenaan.

## **8 PERALATAN**

- 8.1 Semua jenis peralatan rasmi permainan akan ditetapkan oleh Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan HESF 2023.
- 8.2 Semua peralatan dan venue pertandingan akan disediakan dan ditetapkan oleh Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan HESF 2023.

## **9 SISTEM PERTANDINGAN**

- 9.1 Sesuatu pertandingan hanya dapat dijalankan atau diadakan sekiranya terdapat minima 6 pasukan dari pasukan berlainan yang mengambil bahagian.
- 9.2 Sistem pertandingan akan dijalankan secara Liga dan/atau Kalah Mati. Manakala bagi acara individu, pertandingan hanya akan dijalankan sekiranya terdapat minima 6 penyertaan pasukan berlainan atau mengikut peraturan sukan berkenaan.
- 9.3 Jika ada penarikan diri setelah majlis undian rasmi, pertandingan akan dijalankan walaupun terdapat penyertaan di bawah minimum 6 pasukan berlainan mengikut ketetapan Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan HESF 2023.

## 9.4 Undian Kumpulan dan Jadual Pertandingan.

9.4.1 Undian akan dijalankan oleh Jawantkuasa Teknikal dan Pertandingan HESF 2023 dan susunan jadual pertandingan akan dibuat mengikut format yang ditetapkan.

9.4.2 Format bagi sistem liga kumpulan adalah seperti berikut:-

<b>Jumlah Pasukan</b>	<b>Jumlah Pasukan Dalam Kumpulan</b>	
	Kumpulan	Format
6	2	3,3
7	2	3,4
8	2	4,4
9	3	3,3,3
10	3	3,3,4
11	3	3,4,4
12	4	3,3,3,3
13	4	3,3,3,4
14	4	3,3,4,4
15	5	3,3,3,3,3
16	5	3,3,3,3,4
17	5	3,3,3,4,4
18	6	3,3,3,3,3,3
19	6	3,3,3,3,3,4
20	6	3,3,3,3,4,4
21	7	3,3,3,3,3,3,3
22	7	3,3,3,3,3,3,4
23	7	3,3,3,3,3,4,4
24 dan seterusnya	8 dan seterusnya	3,3,3,3,3,3,3,3

9.5 Pasukan johan dan naib johan setiap kumpulan akan layak kepusingan seterusnya.

9.6 Undian pusingan kedua akan dijalankan mengikut format yang ditetapkan oleh Jawantkuasa Teknikal dan Pertandingan HESF 2023 dengan mengambil kira johan dan naib johan kumpulan dipisahkan di bahagian atas dan bawah carta kalah mati.



## **10 KELEWATAN**

- 10.1 Semua perlawanan akan dijalankan mengikut masa yang ditetapkan.
- 10.2 Hukuman kepada pasukan yang lewat mengikut jadual yang telah ditetapkan akan mengikut peraturan permainan berkenaan.

## **11 PENANGGUHAN**

- 11.1 Tarikh, masa dan tempat perlawanan yang telah ditetapkan/dijadualkan sama sekali tidak boleh diubah oleh pasukan-pasukan yang mengambil bahagian.
- 11.2 Jawatankuasa Pengelola mempunyai kuasa mutlak untuk menangguh atau mengubah sesuatu perlawanan dengan diberitahu terlebih dahulu atau diputuskan dengan serta-merta.
- 11.3 Mana-mana perlawanan yang ditangguhkan, Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan HESF 2023 hendaklah menetapkan semula perlawanan yang ditangguhkan itu.

## **12 MENARIK DIRI DAN MENYERAH KALAH**

- 12.1 Setiap pasukan/ individu dimestikan menghabiskan setiap perlawanan dan tidak boleh dengan sengaja memberi kemenangan percuma kepada pihak lawan untuk perlawanan yang akan atau sedang berlangsung. Setiap pasukan dikehendaki meneruskan permainan walaupun telah layak untuk pusingan seterusnya.
- 12.2 Jika berlaku kecederaan sebelum perlawanan dan pasukan terlibat memberi kemenangan kepada pihak lawan maka pemain yang cedera mestilah mendapat pengesahan daripada Pegawai Perubatan yang disediakan oleh Jawatankuasa Pengelola.

## **13 BANTAHAN**

- 13.1 Sebarang bantahan hendaklah dibuat secara bertulis oleh pengurus pasukan dan disahkan oleh Ketua Kontingen atau wakil IPT berkenaan dan diserahkan kepada Penyelaras Teknikal Permainan dalam tempoh tidak lebih dari satu (1) jam selepas tamat perlawanan atau mengikut masa yang ditetapkan oleh permainan tersebut dengan disertakan wang tunai sebanyak RM500.00 (Ringgit Malaysia Lima Ratus Sahaja) sebagai cagaran dan yuran proses.
- 13.2 Wang cagaran itu akan hilang dan menjadi pendapatan penganjur sekiranya bantahan itu tidak diterima.



- 13.3 Sekiranya bantahan diterima oleh Jawatankuasa Bantahan maka wang cagaran sebanyak RM 300.00 (Ringgit Malaysia Tiga Ratus Sahaja) sahaja akan dikembalikan dan RM 200.00 (Ringgit Malaysia Dua Ratus Sahaja) yuran proses.
- 13.4 Semua bantahan hendaklah ditulis dalam Bahasa Melayu.
- 13.5 Semua bukti ke atas bantahan perlulah dikemukakan oleh pihak yang membantah atau merayu kepada jawatankuasa yang ditubuhkan.
- 13.6 Keputusan Jawatankuasa Bantahan adalah muktamad.

## **14 JAWATANKUASA BANTAHAN**

- 14.1 Terdiri daripada 5 orang seperti berikut.
  - 14.1.1 Pengerusi Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan HESF 2023 atau Wakil.
  - 14.1.2 Penyelaras Teknikal Permainan HESF 2023 yang berkenaan.
  - 14.1.3 Tiga orang Pengurus Pasukan permainan berkenaan yang berkecuali.

## **15 SIJIL**

Sijil Penyertaan akan disediakan oleh pengajur dan akan diberi kepada semua peserta.

## **16 HADIAH**

- 16.1 Hadiah akan disediakan oleh pengelola untuk pemenang-pemenang mengikut setiap permainan.
- 16.2 Hadiah kemenangan tempat pertama hingga ketiga akan disediakan dalam bentuk wang tunai dan medal bagi semua acara sukan yang dipertandingkan.

## **17 DENDA**

- 17.1 Mana-mana kontinjen yang mendaftarkan pemain yang tidak layak bermain akan diambil tindakan seperti berikut:
  - 17.1.1 Penyertaan pasukan dalam acara tersebut akan dibatalkan.
  - 17.1.2 Penyertaan pasukan dalam acara tersebut pada HESF berikutnya akan digantung. (digantung 1 kejohanan HESF seterusnya).



- 17.2 Penarikan diri pasukan selepas majlis undian rasmi dijalankan atau semasa pertandingan berlangsung akan menyebabkan pasukan tersebut digantung penyertaan HESF pada tahun berikutnya bagi acara berkenaan sahaja (digantung 1 kejohanan HESF seterusnya).

## **18 PERATURAN LAIN YANG TIDAK DINYATAKAN**

- 18.1 Sebarang pindaan, tambahan atau perubahan peraturan yang ditetapkan TIDAK DIBENARKAN semasa taklimat Pengurus Pasukan.
- 18.2 Peraturan-peraturan di atas hendaklah dipatuhi melainkan jika ada dinyatakan berlainan dalam pertandingan permainan tertentu.
- 18.3 Semua perkara yang tidak dinyatakan dalam Peraturan Am ini akan diputuskan oleh Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan HESF 2023 dan keputusannya adalah muktamad.